

[KINAYAH ANALYSIS IN HADITH OF RIYAD AL-SALIHIN]

ANALISIS KINAYAH DALAM HADITH RIYAD AL-SALIHIN

Nur Syuhada Che Mat Amin

p104148@siswa.ukm.edu.my (Corresponding Author)

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Md Nor Abdullah

monab@ukm.edu.my

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Abstrak

Kinayah ialah salah satu gaya bahasa yang terkandung dalam ilmu *Bayan*. Gaya bahasa ini terkandung dalam *hadith* Rasulullah serta mempunyai nilai sasteranya yang tersendiri. *Kinayah* secara tidak langsung mendatangkan unsur kesopanan dan keindahan dalam pertuturan serta teks. Namun begitu, unsur ilmu *bayan* yang lain seperti *tashbih* dan *majaz* adalah lebih kerap difokuskan dan didalami berbanding elemen *kinayah*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur *kinayah* yang terkandung dalam *hadith* Rasulullah menerusi *Kitab Adab Riyad al-Salihin*. Kajian kualitatif ini dijalankan secara deskriptif menggunakan teori Nazm al-Jurjani. Analisis dokumen dilakukan pada sampel kajian iaitu melibatkan 46 *hadith* dalam kitab adab tersebut. Kitab *sharh hadith* iaitu *Dalil al-Falihin* dan *Nuzhat al-Muttaqin* dijadikan rujukan sepanjang kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada semua *hadith* dalam *Kitab Adab* tersebut, gaya bahasa *kinayah* terkandung dalam 14 *hadith*. Gaya bahasa *kinayah* ternyata membawa maksud tersirat di samping makna zahir yang terbias pada lafaznya. Kajian ini diharapkan memberi pencerahan berkenaan penggunaan gaya bahasa ini dalam *hadith* Rasulullah serta dijadikan rujukan oleh pengkaji dalam bidang *balaghah*.

Kata kunci: *kinayah, hadith, Rasulullah, bahasa Arab*

Abstract

Kinayah is one of language styles in *bayan* knowledge. This language style is in *hadith* of Prophet and has its own poetic value. *Kinayah* indirectly brings elements of decency and beauty in conversation and text. However, other *bayan* knowledge elements such as *tashbih* and *majaz* are more often be focused on and deepened rather than *kinayah* element. This research aims to analyse *kinayah* element which is found in Prophet's *hadith* through *Book of Adab* in *Riyad al-Salihin*. This qualitative research is carried out descriptively using Nazm Theory by al-Jurjani. Document analysis is done on research sample which involves 46 *hadith* in the *Book of Adab*. Two *sharh hadith* books are referred thorough the research, which is *Dalil al-Falihin* and *Nuzhat al-Muttaqin*. Research results show that among all the *hadith* in the *Book of Adab*, *kinayah* language style is found in 14 *hadith*. *Kinayah* brings hidden meaning in conjunction with its literal meaning which can be seen thorough the words used. This research hopefully can enhance more about this language style in *hadith* of Prophet and can be referred by future researchers in this field.

Keyword: *kinayah, hadith, Rasulullah, Arabic language*

Article Received:
19 February 2021

Article Reviewed:
17 July 2021

Article Published:
30 November 2021

PENGENALAN RIYAD AL-SALIHIN

Riyad al-Salihin merupakan frasa Arab yang membawa maksud ‘taman orang soleh’. Ia merupakan buku yang mengumpulkan *hadith-hadith* Rasulullah yang terpilih berkenaan adab, akhlak dan lain-lain. *Riyad al-Salihin* turut mengandungi untaian kata yang penuh nasihat diiringi ayat al-Qur'an pada permulaan beberapa bab (Muhammad Nur Ihsan, 2015). Ia dikarang oleh tokoh agama terkenal iaitu Imam al-Nawawi (w.676H) atau nama penuhnya al-Imam Muhy al-Din Yahya ibn Sharaf al-Nawawi. Beliau merupakan seorang yang bermazhab al-Shafi'i dan berpengetahuan luas dalam bidang *hadith* serta tidak diragui kehebatannya (Ibn al-'Attar, 2007). Menurut Ahmad Ratib Hamus (1983), Imam al-Nawawi ialah seorang tokoh yang cuba menerangkan keindahan agama Islam serta sentiasa menyeru umat Islam untuk berpegang pada ajaran Islam yang teguh.

Buku ini mempunyai 19 kitab, 372 bab dan 1905 *hadith* yang merangkumi tema akidah, ibadah, akhlak, larangan dan lain-lain. *Riyad al-Salihin* merupakan buku *hadith* yang tidak asing dalam kalangan umat Islam memandangkan ia sudah tersebar luas serta dicetak dalam pelbagai bahasa di seluruh dunia (al-Halabi, 1421). Buku ini merupakan antara hasil karya Imam Nawawi yang menjadi panduan masyarakat yang mana ia menunjukkan ketinggian ilmu beliau (Kamarul Azmi, 2002). Kitab adab diberi keutamaan memandangkan adab dan akhlak mempunyai impak yang besar dalam diri setiap individu di mana kekurangan aplikasi adab boleh mendorong kepada keruntuhan masyarakat (Nurul Hamiza, 2012). Kitab ini mengandungi 14 bab dan 46 *hadith* bermula *hadith* 686 hingga 731.

KINAYAH

Balaghah merupakan disiplin ilmu yang membahaskan berkenaan keindahan bahasa. Ia terbahagi kepada tiga cabang, iaitu ilmu *ma'ani*, *bayan* dan *badi'*. Ilmu *bayan* menurut al-Jurjani (2001) merupakan ilmu yang menerangkan keinginan seseorang dengan menggunakan gaya bahasa yang boleh difahami. Ilmu ini membahaskan kaedah menyampaikan sesuatu makna dengan menggunakan pelbagai cara. Sementara itu, *kinayah* merupakan salah satu elemen bahasa yang dibincangkan dalam ilmu *bayan*. *Kinayah* secara bahasanya berasal daripada perkataan Arab كنيّة yang membawa maksud bercakap dengan kiasan (al-Farahidi, 2001). Menurut Ibn Faris (1994), menerusi frasa كنّيّت عن كذا, ia membawa maksud menggunakan lafaz berbeza untuk memaksudkan makna lain.

Sementara itu, *kinayah* secara istilah menurut al-Jurjani (2001) merupakan gaya bahasa yang menggunakan perkataan lain untuk menggambarkan makna yang cuba disampaikan. *Kinayah* digunakan oleh Rasulullah secara meluas untuk menyampaikan sesuatu pernyataan (al-Shak'ah, 1995) memandangkan ia merupakan bahasa kiasan yang indah. *Kinayah* turut terkandung dalam ayat al-Qur'an dan para mufassir berbeza pandangan dalam mentafsirkan maknanya kerana ia mengandungi dua makna; *haqiqi* dan *majazi* (Amin, 1982). Ini menunjukkan bahawa *kinayah* merupakan salah satu unsur bahasa yang indah terkandung dalam kalamNya. *Kinayah* juga secara tidak langsung membantu sesuatu maklumat disampaikan tanpa menggunakan perkataan yang tabu. Sebagai contoh, firman Allah dalam Surah al-Nisa' 4:43,

أَوْ لَا مَسْتُمُ النِّسَاءَ...

Maksudnya:

... atau kalian menyentuh perempuan.

Perbuatan menyentuh wanita merupakan *kinayah* kepada persetubuhan antara suami isteri. Jenis *kinayah* menurut Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani (2007) terbahagi kepada tiga iaitu *kinayah sifat* (menerangkan sifat), *kinayah mawsuf* (menerangkan pemilik sifat) dan *kinayah nisbah* (sifat disandarkan kepada yang berkait). Unsur ini penting untuk diteliti oleh individu yang mengkaji *hadith* Rasulullah memandangkan baginda turut mengaplikasi *kinayah* dalam perkataannya (Mohamad Husin, 2018). Kesan penggunaan *kinayah* adalah ia meninggalkan kesan yang lebih mendalam pada pembaca atau pendengar (al-Jurjani, 2001). Menurut al-Jurjani (2001), gaya bahasa ini tidak melibatkan *kinayah lafaz* terhadap sesuatu lafaz, namun ia merujuk kepada kinayah makna kepada makna. Ia memerlukan seseorang untuk meneliti sesuatu makna bagi mengetahui makna lain yang cuba disampaikan.

Fungsi *kinayah* dalam perkataan Rasulullah adalah membawa makna hiperbola, bersifat figuratif, memberi makna yang luas dengan ucapan ringkas dan menunjukkan ciri eufemisme iaitu kesantunan bahasa (Mohamad Husin, 2018). Ibn al-Athir (1998) berpendapat bahawa keistimewaan kinayah ialah ia membolehkan pembaca untuk memahami makna yang dikiaskan tanpa merosakkan maksud asalnya yang disebutkan. Kinayah menjadikan sesuatu karya menarik untuk digunakan dan diperdalam (Muhammad Syahmi & Zarima, 2020). Kinayah Arab mempunyai persamaan dengan kiasan Melayu dalam beberapa aspek seperti objektif, falsafah dan kepentingannya (Abdul Basir et al., 2016).

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini adalah berbentuk deskriptif dengan bersandarkan teori *nazm* al-Jurjani. Tiga elemen teori ini ialah perkataan, makna yang terhasil dan perkaitan antara perkataan. al-Jurjani (2001) turut mengambil kira pematuhan peraturan *nahw* dalam teori ini. Analisis data dijalankan ke atas sampel kajian iaitu *hadith* yang terkandung dalam *Kitab Adab, Riyad al-Salihin*. Unsur *kinayah* dikenalpasti dalam teks *hadith* dan diuraikan aspek *balaghahnya*. Kitab *sharh hadith* seperti *Dalil al-Falihin li Turuq Riyad al-Salihin* karya Ibn 'Allan dan *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin* karya Mustafa Sa'id al-Khin, Mustafa al-Bugha, Muhy al-Din Mastu, 'Ali al-Sharbaji dan Muhammad Amin Lutfi turut dirujuk untuk menerangkan lagi maksud tersirat teks *hadith*.

Dalil al-Falihin ialah kitab *sharh* karya Ibn 'Allan yang mendatangkan beberapa *hadith* dan ayat al-Qur'an yang menerangkan lagi kandungan *Riyad al-Salihin*. Di samping itu, *Nuzhat al-Muttaqin* ialah kitab *sharh Riyad al-Salihin* yang dikarang oleh empat orang ulama. Ia menjelaskan perkataan yang sukar difahami berserta intipati *hadith* secara ringkas dan bermanfaat iaitu apa yang dapat diteladani menerusi setiap *hadith* tersebut. Kitab adab dipilih kerana *kitab* ini merangkumi *hadith-hadith* berkenaan adab dan akhlak yang perlu diamalkan dalam kehidupan sehari-hari. Antara asas penting dalam mendorong seseorang melakukan kebaikan ialah pendedahan berkenaan adab dan akhlak (Jasmi et al., 2004). Justeru, aspek adab ditekankan dalam kajian ini yang mana keseluruhannya adalah 46 *hadith*.

ANALISIS KINAYAH PADA HADITH

Hadith Enam Ratus Lapan Puluh Sembilan

أشد حياء من العذراء

Rasulullah digambarkan bahawa baginda lebih pemalu daripada gadis yang pertama kali berada di dalam bilik bersama dengan pasangannya. Gadis tersebut merupakan *kinayah* kepada seseorang yang mempunyai sifat malu yang tinggi dalam diri. Hal ini menunjukkan bahawa Rasulullah merupakan seorang tokoh yang pemalu. Menurut Ibn 'Allan dalam kitabnya *Dalil al-Falihin li Turuq Riyad al-Salihin*, gadis yang dimaksudkan dalam perbandingan ini ialah seseorang yang tidak pernah berdua-duaan dengan pasangannya di dalam bilik, iaitu bersama dengan seorang yang tidak dikenalinya sebelum ini. Konteks ini tidak melibatkan gadis yang bersendirian di dalam bilik kerana hal ini tidak menunjukkan wujudnya individu lain yang mencetuskan sifat malu dalam diri gadis tersebut.

al-Khin et al. dalam *Nuzhat al-Muttaqin* mengatakan bahawa perkataan العذراء merujuk kepada gadis yang belum pernah disentuh oleh lelaki. Perkataan gadis tersebut menunjukkan seseorang yang mempunyai sikap malu yang tinggi dalam diri. Perbandingan ini merujuk kepada galakan untuk bersikap malu sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah. Seseorang yang mempunyai keimanan yang teguh akan berasa malu untuk melakukan kemungkaran kepada Allah. Hal ini menunjukkan tingginya keimanan dan kemuliaan akhlak baginda dalam kehidupan sehari-hari. Sifat malu merupakan antara elemen yang dititikberatkan oleh Rasulullah sehingga baginda turut mewasiatkan 'Ali ibn Abi Talib berkenaan sifat malu (Arif et al., 2019). Hal ini menggambarkan bahawa baginda menggalakkan umat Islam agar mengaplikasi sifat terpuji ini dalam diri.

Hadith Enam Ratus Sembilan Puluh

الرجل يفضي إلى المرأة وتفضي إليه ثم ينشر سرها

Lelaki menggauli perempuan dan perempuan itu menggaulinya merupakan kinayah kepada pasangan suami isteri yang bersetubuh. Rasulullah memaksudkan bahawa pasangan suami isteri yang saling menyebarkan aib pasangan ialah orang yang kedudukannya rendah di sisi Allah pada hari kiamat. Kata kerja يفضي menunjukkan bersentuhan secara langsung antara suami isteri dan ia merupakan kinayah kepada jimak (Ibn 'Allan, 2004). Merujuk kepada *Nuzhat al-Muttaqin*, frasa ينشر سرها membawa maksud si suami menyebarkan kepada orang lain tentang apa yang berlaku di antaranya dengan pasangan ketika berdua-duaan dan jimak. *Hadith* ini menunjukkan bahawa terdapat ancaman besar bagi orang yang menyebarkan rahsia pasangan yang mana ia termasuk dalam dosa besar. Antara hak pasangan ialah tidak disebarluaskan rahsianya oleh pasangan sendiri kepada orang lain.

Perkahwinan melambangkan kemuliaan dan kehormatan kedua-dua pihak iaitu suami dan isteri (Mariam & Mohammad Syafirul, 2017) justeru setiap pihak perlu memastikan hak masing-masing terjaga dan tidak dinodai. Menjaga aib pasangan merupakan elemen penting lebih-lebih lagi apabila menjalani kehidupan bersama-sama.

Penglibatan pihak lain dalam sesuatu hubungan memungkinkan risiko perceraian dan pertelingkahan yang tidak diingini.

Hadith Enam Ratus Sembilan Puluh Dua

وأنه عارضه الآن مرتين

Rasulullah membisikkan kepada Fatimah bahawa Jibril kini datang membawa wahyu dua kali dalam setahun. Ia merupakan *kinayah* bahawa ajal baginda sudah mendekat justeru Malaikat Jibril semakin kerap mendatangkan kandungan wahyu kepada Rasulullah. al-Khin et al. (1987) mengatakan bahawa fasa penurunan wahyu al-Qur'an lengkap sepenuhnya berjarak dekat sebelum kewafatan Rasulullah. Hal ini menyebabkan baginda menyedari hal ini dan Fatimah menangis apabila diberitahu tentang perkara tersebut. Menurut Ibn 'Allan, Rasulullah bersabda kepada Fatimah supaya bertakwa kepada Allah adalah nasihat untuk sentiasa menjauhi segala laranganNya dan bersabar atas segala ujian yang mendarat.

al-Qur'an ialah wahyu terakhir yang diturunkan kepada umat Islam menerusi Jibril kepada Rasulullah (Ziaul Haq, 2019). Ia telah lengkap disampaikan sebelum kewafatan baginda untuk menjadi panduan kepada seluruh umat untuk mengamalkan nilai Islam dalam kehidupan.

Hadith Enam Ratus Sembilan Puluh Tujuh

كان يقوم الليل فترك قيام الليل

Perbuatan menunaikan solat malam kemudian meninggalkannya merupakan *kinayah* kepada sikap tidak istiqamah dalam diri seseorang. Rasulullah melarang umatnya daripada bersikap tidak konsisten dalam melakukan amal kebaikan. Solat malam di sini bermaksud solat tahajud dan larangan ini adalah berikutan kurangnya rasa prihatin dalam diri untuk melaksanakan ketaatan kepada Allah bagi menghidupkan hati (Ibn 'Allan, 2004). Merujuk kepada *Nuzhat al-Muttaqin*, hadith ini menunjukkan kelebihan istiqamah dalam sesuatu amalan meskipun sedikit. Perbuatan meninggalkan sesuatu amalan atau ibadah menunjukkan hati yang tidak disibukkan dengan mengingati Allah.

Istiqamah ialah sifat teguh di atas jalan kebenaran dengan mempertahankan ibadah dan akidah walaupun diuji dengan pelbagai dugaan (Damis, 2011). Ia merupakan sifat mahmudah yang dituntut dalam agama Islam. Hal ini seiring dengan firman Allah tentang galakan beristiqamah dalam Surah Hud 11:112,

فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغُوا

Maksudnya:

Maka beristiqamahlah engkau dan orang yang bertaubat bersamamu dan janganlah engkau melampaui batas.

Hadith Enam Ratus Sembilan Puluh Lapan

اتقوا النار ولو بشق تمرة

Takutlah kepada neraka merupakan *kinayah* kepada perintah untuk melakukan sesuatu bagi menghindari azab neraka. al-Khin et al. (1987) mengatakan bahawa *hadith* ini menunjukkan galakan bersedekah meskipun sedikit serta galakan untuk mengucapkan kata-kata yang baik sekiranya tidak mampu bersedekah. Menurut Ibn ‘Allan, frasa اتقوا النار bermaksud mengambil tindakan untuk menjauhkan diri daripada neraka seperti dengan cara bersedekah. Arahan untuk menghindari api neraka turut tertera dalam firman Allah menerusi Surah al-Tahrim 66:6,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوَا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيَّكُمْ نَارًا

Maksudnya:

Wahai orang yang beriman, lindungilah dirimu dan keluargamu daripada neraka.

Frasa “meskipun dengan potongan kurma” adalah *kinayah* kepada amalan bersedekah walaupun sedikit. Sedekah adalah didorong oleh wujudnya keimanan dalam diri seseorang sehingga tidak takut akan kemiskinan (Muhsin, 2014). Justeru, ia menunjukkan tahap keimanan seseorang serta mendidik seseorang untuk yakin dengan rezeki Allah serta suka berkongsi. Perbuatan bersedekah meskipun bukan dalam kuantiti besar mempunyai banyak kelebihan, sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Baqarah 2:261,

مَثَلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلُ حَيَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مَائَةً حَبَّةً وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ

Maksudnya:

Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah adalah seperti biji yang tumbuh daripadanya tiga tangkai yang mana setiap tangkai mengandungi seratus biji. Allah menggandakan kepada sesiapa yang Dia kehendaki.

Hadith Enam Ratus Sembilan Puluh Sembilan

والكلمة الطيبة صدقة

Perkataan yang baik merupakan sedekah ialah *kinayah* kepada kelebihan mengucapkan kata-kata yang baik dalam kehidupan sosial. Apabila masyarakat menuturkan hanya kata-kata yang baik sesama mereka, silaturrahim semakin erat dan pertelingkahan dapat dielakkan. Kata-kata yang positif juga mampu memujuk hati yang lara, menjaga sensitiviti, membangkitkan motivasi dan pelbagai lagi implikasi positif yang mana ia menyumbang kepada suasana yang lebih harmoni. Merujuk kepada *Nuzhat al-Muttaqin*, sedekah tidak hanya terhad kepada harta, bahkan ia turut melibatkan senyuman dan kata-kata yang

baik. Akhlak yang baik dan bermanfaat dalam seseorang individu akan akhirnya mencetuskan masyarakat dan negara yang utuh (Mohamad Hafifi & Nawal, 2019) justeru setiap individu wajar mengaplikasi kata-kata dan akhlak yang baik dalam diri.

Frasa الكلمة الطيبة merujuk kepada perintah untuk melakukan kebaikan, mencegah kemungkaran dan santun dalam perkataan yang tidak membawa kepada dosa. Sedekah meskipun kebiasaannya melibatkan harta, namun ia turut merangkumi kata-kata yang baik (Ibn 'Allan, 2004). Bahkan dalam Surah al-Baqarah 2:263, Allah mengatakan bahawa kata-kata yang baik adalah lebih baik daripada sedekah yang disertakan kata-kata yang menyakitkan si penerima,

قَوْلٌ مَعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ حَيْرٌ مِنْ صَدَقَةٍ يَتَبَعُهَا آذَىٰ ...^٣

Maksudnya:

Kata-kata yang baik dan keampunan lebih baik daripada sedekah yang diikuti kata-kata cacian.

Hadith Tujuh Ratus

ولو أَن تلقى أخاك بوجه طلاق

Rasulullah bersabda bahawa janganlah seseorang memandang remeh terhadap sesuatu kebaikan meskipun hanya dengan bermanis muka ketika bertemu seseorang yang lain. Menemui saudara dengan muka yang manis ialah *kinayah* kepada rasa kasih sayang yang disemai dalam diri setiap individu terhadap saudara yang lain. Rasa mahabbah sesama masyarakat menghasilkan suasana yang harmoni serta mampu mengelakkan pergaduhan dan permusuhan yang bakal mendatangkan mudarat kepada banyak pihak. Perasaan negatif seperti hasad dengki, kebencian dan kemarahan juga dapat dielakkan sekiranya setiap individu mengaplikasi sikap berlapang dada dalam kehidupan seharian.

Menurut Ibn 'Allan, bermanis muka bermaksud menunjukkan perasaan gembira dan teruja ketika bertemu seseorang dan senyum kerana zahir menggambarkan batin. Menemui seseorang dengan keadaan tersebut menunjukkan rasa gembira kerana dapat bertemu dengannya dan menggambarkan kasih sayang yang dituntut dalam kalangan umat Islam. Merujuk kepada *Nuzhat al-Muttaqin*, hadith ini menunjukkan galakan untuk menyuburkan rasa mahabbah sesama Muslim. Perbuatan bermanis muka dan senyum ketika bertemu merupakan ekspresi zahir yang menggambarkan rasa sayang dalam hati. Manusia secara lumrahnya merupakan makhluk sosial yang saling memerlukan antara satu sama lain (Anshori, 2016), justeru perasaan mahabbah adalah antara elemen penting untuk mencetuskan suasana harmoni.

Hadith Tujuh Ratus Tiga

يضرب بعضكم رقباب بعض

Memukul leher satu sama lain adalah *kinayah* kepada permusuhan dan pergaduhan. Rasulullah melarang umat Islam daripada menjadi murtad atau bergaduh antara satu sama lain meskipun setelah baginda wafat. Hal ini menunjukkan rasa prihatin dan kasih

sayang baginda terhadap umatnya meskipun ketika baginda sudah berada di alam lain nanti. Larangan memukul leher merujuk kepada larangan melakukan sesuatu yang menyebabkan perpecahan dan pembunuhan seperti hasad dan saling membenci (Ibn 'Allan, 2004). al-Khin et al. (1987) mengatakan bahawa *hadith* ini menunjukkan bahawa Rasulullah melarang umat Islam daripada saling berhasad dengki dan bergaduh yang mana ia boleh menyebabkan keretakan umat.

Kepelbagaiannya yang wujud dalam kalangan masyarakat boleh mendorong ke arah kemakmuran hidup tanpa mengambil kira perbezaan sekiranya setiap individu saling menghormati antara satu sama lain (Nazri et al., 2011). Pilihan yang diambil dan diaplikasi mempengaruhi kesannya terhadap satu kelompok yang besar, justeru Rasulullah menitikberatkan unsur perpaduan dalam ucapan baginda.

Hadith Tujuh Ratus Lima

إِنْ طُولَ صَلَاةِ الرَّجُلِ وَقُصُورُ خُطْبَتِهِ مِنْ فَقْهِهِ

Kepanjangan solat dan kependekan khutbah menunjukkan kepandaian seseorang adalah *kinayah* kepada tingginya ilmu dalam bab agama. Solat merupakan ibadah yang digalakkan untuk memanjangkannya manakala khutbah yang baik adalah tidak terlalu panjang namun isi yang cuba disampaikan adalah padat. Hal ini juga dapat mengelakkan pendengar berasa bosan sekiranya khutbah yang disampaikan terlalu meleret tanpa isu yang jelas. Menurut Ibn 'Allan, tempoh waktu solat dan khutbah menggambarkan kepandaian seseorang kerana individu yang fakih dalam ilmu mengetahui bahawa solat menggambarkan penghambaan kepada Allah, justeru kepanjangan solat menunjukkan tahap penghambaan seseorang.

Sementara itu, khutbah merupakan peringatan kepada yang lain justeru sebaiknya ia disampaikan dengan ringkas dan padat. Merujuk kepada *Nuzhat al-Muttaqin*, *hadith* ini menunjukkan galakan untuk memanjangkan solat dan meringkaskan khutbah kerana sebaik-baik pertuturan ialah yang sedikit namun bermanfaat. Solat membezakan seseorang yang beriman dengan sebaliknya, serta menjadi penghubung antara seorang hamba dan TuhanYa (Napisah et al., 2004). Justeru, adalah digalakkan untuk memanjangkan waktu yang diluangkan untuk melaksanakan ibadah kepadaNya. Antara komunikasi dakwah yang penting dalam agama Islam ialah khutbah (Abd Ganing, 2018). Hal ini menunjukkan kelebihan khutbah dalam kalangan masyarakat, oleh itu isi yang dilontarkan perlu bersifat informatif tanpa meleret dengan perkara yang tidak membawa manfaat.

Hadith Tujuh Ratus Enam

فَجَعَلُوا يَضْرِبُونَ بِأَيْدِيهِمْ عَلَى أَفْخَاذِهِمْ

Perbuatan menghentak tangan pada paha mereka adalah *kinayah* kepada perbuatan jemaah menegur Mu'awiyah ibn al-Hakam al-Sulami yang bertutur dalam solat. Para jemaah menegur secara terang-terangan ketika solat manakala Rasulullah menegur Mu'awiyah selepas solat dengan penuh hemah. Hal ini menyebabkan Mu'awiyah mengatakan dalam *hadith* yang sama bahawa Rasulullah ialah sebaik-baik guru yang pernah ditemuinya. Perbuatan menegur secara berhemah mengelakkan pihak yang ditegur berasa dimalukan dalam khalayak. Ini boleh menyebabkan seseorang sukar menerima sebarang teguran daripada orang lain.

Perbuatan jemaah tersebut menghentak tangan tidak membatalkan solat mereka kerana ia melibatkan pergerakan yang sedikit dan tidak berulang. Rasulullah menegur Mu'awiyah dengan baik dan tidak mengarahkannya untuk mengulangi solat tersebut memandangkan beliau baru sahaja memeluk Islam dan ia dilakukan tanpa pengetahuannya (Ibn 'Allan, 2004). al-Khin et al. (1987) mengatakan bahawa hadith ini menunjukkan cara Rasulullah menegur dan mengajar seseorang, iaitu dengan penuh hikmah.

Hadith Tujuh Ratus Lapan

ما رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم مستجمحاً قط ضاحكاً حتى ترى منه طواته، إنما كان يتبع

Aishah mengatakan bahawa beliau tidak pernah melihat Rasulullah SAW ketawa hingga terlihat anak tekak, bahkan baginda hanya senyum. Ketawa hingga terlihat anak tekak merupakan *kinayah* kepada perbuatan ketawa yang melampau. Ini menunjukkan bahawa baginda merupakan seorang yang sopan serta tidak berlebihan dalam sesuatu perkara, bahkan tawa baginda hanya terbias dengan senyuman. Menurut Ibn 'Allan, ahli bahasa berpendapat bahawa senyuman merupakan permulaan kepada tawa dan ketawa ialah apabila wajah melebar hingga terlihat gigi berserta suara kerana gembira. Merujuk kepada *Nuzhat al-Muttaqin*, hadith ini menunjukkan galakan untuk bersederhana dalam ketawa kerana banyaknya ketawa menunjukkan tahap kelalaian terhadap Allah.

Di samping itu, dapat dilihat secara jelas keagungan akhlak Rasulullah sehingga baginda menjadi *qudwah* yang baik kepada umat Islam (Syarifah Habibah, 2015) meskipun dalam sekecil-kecil perkara seperti ketawa dan senyum. Kemuliaan sifat baginda dinyatakan oleh Allah dalam Surah al-Qalam 68:4,

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya:

Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) benar-benar berbudi pekerti yang agung.

Hadith Tujuh Ratus Sepuluh

فَإِنَّ الْبَرَ لَيْسَ بِالْإِيْضَاعِ

Kebaikan bukan datang dengan sifat terburu-buru ialah *kinayah* kepada galakan untuk bersikap tenang dalam melakukan sesuatu. Apabila seseorang bersikap tenang, sesuatu perbuatan dapat dilakukan dengan teliti dan cermat sehingga risiko kecederaan atau kemalangan dapat dielakkan. Kebaikan datang dalam keadaan tunduk kepada Allah, khusyuk dan tenang hati terhadap Allah yang Maha Mengetahui segala yang tersembunyi (Ibn 'Allan, 2004). al-Khin et al. (1987) mengatakan bahawa hadith ini menunjukkan galakan untuk berlaku tenang dan khusyuk dalam melakukan ibadah kerana kadar pahala bergantung kepada tahap khusyuk dan kehadiran hati seseorang.

Ketenangan yang dirasai dalam hati adalah berpunca daripada rasa yakin terhadap Allah serta kurangnya kegusaran tentang masa depan kerana percaya bahawa Allah Maha Membantu segala perkara (Kumala et al. 2019). Justeru, antara ciri-ciri orang yang beriman ialah bersikap tenang dalam kehidupan seharian dan tidak tergesa-gesa.

Hadith Tujuh Ratus Lima Belas

ادْهَبْ بِنْعَلِيْ هَاتِينَ، فَمَنْ لَقِيَتْ مِنْ وَرَاءِ هَذَا الْحَائِطِ يُشَهِّدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُسْتَيقِنًا بِهَا قَلْبَهُ، فَبَشِّرْهُ بِالْجَنَّةِ

Rasulullah menghulurkan selipar baginda kepada Abu Hurayrah dan mengarahkannya untuk menyampaikan khabar gembira kepada sesiapa yang ditemuinya. Khabar gembira itu adalah berita masuk syurga bagi sesiapa yang menyaksikan keesaan Allah dengan yakin. Perbuatan menghulurkan selipar merupakan *kinayah* kepada Rasulullah memberi kepercayaan dan amanah kepada Abu Hurayrah untuk menghabarkan berita gembira kepada umat Islam yang ditemuinya. Seseorang yang meyakini keesaan Allah akan selalu berusaha untuk melakukan perintahNya dan meninggalkan laranganNya.

Mengakui keesaan Allah dalam teks tersebut merujuk kepada penyertaan penyaksian bahawa Nabi Muhammad pesuruh Allah namun ia tidak disebut kerana sudah menjadi adat kebiasaan masyarakat manakala perkataan *مستيقنا* menunjukkan pengecualian orang munafik daripada khabar gembira tersebut (Ibn 'Allan, 2004). al-Khin et al. (1987) mengatakan bahawa *hadith* ini menunjukkan Rasulullah gemar menyampaikan khabar gembira dengan kebaikan dan kasih sayang kepada para sahabat.

Hadith Tujuh Ratus Dua Puluh

أَسْتَوْدِعُ اللَّهَ دِينَكُمْ، وَأَمَانَتَكُمْ، وَخَوَاتِيمَ أَعْمَالِكُمْ

Pesan Rasulullah kepada orang yang akan bermusafir iaitu baginda menyerahkan agama, amanah dan penghujung amalan mereka kepada Allah merupakan *kinayah* kepada sifat prihatin baginda terhadap para sahabat. Ucapan ini secara tidak langsung turut mengingatkan pihak yang didoakan supaya menjaga amalan, akidah dan amanah sebaik mungkin di mana sahaja mereka berada. Menurut Ibn 'Allan, perkataan *دينكم* dan *أمانتكم* adalah dalam bentuk *ifrad* iaitu satu kerana ia merujuk kepada sifat manakala perkataan ketiga *وخواتيم أعمالكم* dalam bentuk *jama'* iaitu banyak kerana ia merujuk kepada galakan memperbanyak amalan soleh agar penghujung kehidupan berakhir dengan kebaikan. Merujuk kepada *Nuzhat al-Muttaqin*, *hadith* ini menunjukkan galakan untuk meninggalkan pesan kepada orang yang akan bermusafir yang menunjukkan sikap prihatin terhadap agama mereka berserta harapan agar pengakhiran mereka adalah kebaikan. Perkataan *أَسْتَوْدِعُ* membawa maksud rasa tawakkal dalam diri seseorang yang mengucapkannya. Hal ini berikutan apabila jarak memisahkan, seseorang hanya mampu berserah kepada Allah yang Maha Mengetahui perkara yang zahir dan tersembunyi.

Kajian mendapati 14 *hadith* dalam *Kitab Adab* mengandungi *kinayah* yang membawa makna tertentu menerusi makna yang dizahirkan. Jadual 1 menunjukkan lafadz *kinayah*, makna zahir dan makna tersirat.

JADUAL 1. Lafaz *Kinayah*, Makna Zahir dan Makna Tersirat dalam *Kitab Adab*

BIL	HADITH	LAFAZ KINAYAH	MAKNA ZAHIR	MAKNA TERSIRAT
1	689	أشد حياء من العذراء	Rasulullah lebih pemalu daripada gadis di dalam bilik	Rasulullah mempunyai sifat malu yang sangat tinggi dalam diri baginda
				bersambung...

...sambungan

2	690	الرجل يفضي إلى المرأة وتفضي إليه ثم ينشر سرها	Seburuk-buruk manusia pada hari kiamat ialah lelaki yang menggauli isterinya kemudian menyebarkan rahsianya	Lelaki yang berjimak dengan isterinya dan menyebarkan aib adalah tergolong dalam kalangan mereka yang berdosa besar
3	692	وأنه عارضه الآن مرتين	Jibril kini datang menyampaikan wahyu kepada Rasulullah dua kali setahun	Ajal Rasulullah semakin mendekat justeru Jibril menyampaikan wahyu dengan lebih kerap
4	697	كان يقوم الليل فترك قيام الليل	Sebelum ini dia bangun malam namun sekarang dia meninggalkannya.	Galakan untuk beristiqamah dalam melakukan amal kebaikan dan ibadah
5	698	اتقوا النار ولو بشق تمرة	Takutlah kamu akan neraka meskipun dengan separuh kurma	Lakukanlah sesuatu yang melindungimu daripada azab neraka misalnya dengan bersedekah meskipun sedikit
6	699	والكلمة الطيبة صدقة	Kata-kata yang baik ialah sedekah	Sedekah tidak hanya merangkumi pengeluaran harta sahaja, bahkan melibatkan kata-kata yang baik
7	700	ولو أن تلقى أخاك بوجه طلق	Meskipun dengan bermanis muka ketika bertemu saudaramu	Galakan untuk menyebarkan rasa kasih sayang sesama Muslim misalnya dengan bermanis muka
8	703	يضرب بعضكم رقاب بعض	Saling memukul tengkuk satu sama lain	Saling bermusuhan dan melakukan sesuatu yang menyebabkan perpecahan seperti hasad dengki
9	705	إن طول صلاة الرجل وقصر خطبته مئنة من فقهه	Sesungguhnya kepanjangan solat seseorang dan pendek khutbahnya menunjukkan kecerdikannya	Seseorang yang faqih dalam ilmu agama mengetahui kelebihan solat dan kelebihan ucapan yang ringkas namun bermakna
10	706	فجعلوا يضربون بأيديهم على أقدامهم	Mereka menghentak tangan ke atas paha mereka	Para jemaah menegur Mu'awiyah yang bertutur dalam solat kerana percakapan selain bacaan solat adalah dilarang
11	708	ما رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم مستجمعاً قط ضاحكاً حتى ترى منه لهوانه، إما كان يتبسّم	Aku tidak pernah melihat Rasulullah ketawa sehingga terlihat anak tengkuknya, namun baginda hanya tersenyum	Rasulullah merupakan seorang tokoh yang menjaga kesopanan dan bersederhana dalam setiap perkara termasuk ketika terhibur
12	710	فإن البر ليس بالإيضاع	Sesungguhnya kebaikan bukan datang dengan sikap tergesa-gesa	Galakan untuk bersikap tenang dalam melakukan sesuatu

13	715	<p>اذهب بعلي هاتين، فمن لقيت من وراء هذا الحائط يشهد أن لا إله إلا الله مستيقنا بما قلبه، فبشره بالجنة</p>	<p>Pergilah dengan kasutku ini, sesiapa yang kamu temui di sebalik benteng ini yang mengakui bahawa tiada Tuhan selain Allah dengan hati yang yakin, maka berilah khabar gembira kepadanya dengan syurga</p>	<p>kebaikan kerana ketenangan menggambarkan hati yang khusuk dan yakin kepada Allah Galakan untuk menyampaikan khabar gembira antara satu sama lain sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah kepada para sahabat sebagai satu doa dan pendorong semangat untuk selalu melakukan ketaatan dan mengamalkan agama Islam secara yakin</p>
14	720	<p>أَسْتَوْدِعُ اللَّهَ دِينَكُمْ، وَأَمَانَتَكُمْ، وَخَوَاتِيمُ أَعْمَالِكُمْ</p>	<p>Aku meninggalkan kepada Allah agamamu, amanahmu dan penghujung amalanmu</p>	<p>Galakan meninggalkan pesan kepada sesama umat Islam yang akan bermusafir yang mana ia menggambarkan rasa prihatin dan kasih sayang serta kebergantungan kepada Allah yang Maha Melihat</p>

RUMUSAN

Kinayah adalah seni bahasa indah yang menggunakan lafaz berbeza untuk menerangkan sesuatu maksud secara tidak langsung. Meskipun sudah banyak terjemahan *hadith* yang diterbitkan, namun penyerahan keindahan gaya bahasa yang terkandung dalam *hadith* memungkinkan seseorang untuk menghayatinya dengan lebih mendalam. Rasulullah telah mengaplikasi nilai sastera dalam menyampaikan ilmu agama dan kehidupan meskipun ketika disiplin ilmu *balaghah* belum wujud dengan lengkap ketika itu. Seterusnya, *kinayah* ditemui secara meluas dalam pertuturan Rasulullah di mana ia meninggalkan kesan terhadap keindahan makna *hadith*. Dapatkan kajian menunjukkan daripada 46 *hadith* dalam *Kitab Adab*, sebanyak 14 *hadith* mengandungi unsur *kinayah*. Lafaz *kinayah* membawa makna zahir dan juga makna tersirat yang hanya difahami oleh orang yang meneliti teks dengan mendalam. Justeru, kajian ini merumuskan bahawa gaya bahasa *kinayah* mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam teks *hadith* mahupun dalam pertuturan biasa. Kajian akan datang berkenaan gaya bahasa ini wajar diperdalam agar nilai estetikanya dapat diterokai secara meluas oleh ramai pihak.

RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim.
- 'Abd al-Qahir al-Jurjani, Abu Bakr, 'Abd al-Qahir ibn 'Abd ar-Rahman. (2001). Asrar al-Balaghah. Hindawi, 'Abd al-Hamid (pnyt.). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abd Ganing Laengkang. (2018). Analisis Lakuan Bahasa terhadap Teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*. 2(1).

- Abdul Basir Awang, Zulkarnain Mohamed & Md. Nor Abdullah. (2016). Persamaan antara Kinayah Arab dan Kiasan Melayu mengikut Teori al-Nazm: Suatu Perbandingan. *Jurnal Intelek.* 10(2), 56-62.
- Amin, Bakry Shaykh. (1982). *al-Balaghah fi Thawbih al-Jadid: 'Ilm al-Bayan*. Bayrut: Dar al-Thaqafah al-Islamiyyah.
- Anshori, Cecep Sudirman. (2016). Ukhudah Islamiyah sebagai Fondasi Terwujudnya Organisasi yang Mandiri dan Profesional. *Jurnal Pendidikan Agama Islam Ta'lim*. 14(1).
- Ibrahim, A., Darsa, U.A. & Ma'mun, T.N. (2019). Wasiat Rasulullah kepada Ali bin Abi Thalib dalam Naskah Wasiyyah al-Mustafa: Edisi Teks dan Terjemahan. *Jumantara*. 10(2).
- al-Fadani, Muhammad Yasin. (2007). *Husnus Shiyaghoh Syarah Durusul Balaghoh* (Rembang: al-Barokah) t.tp.: t.pt.
- al-Farahidi, 'Abd al-Rahman Khalil ibn Ahmad. (2001). *Kitab al-'Ayn*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Habibah, Syarifah. (2015). Akhlak dan Etika dalam Islam. *Jurnal Pesona Dasar*. 1(4), 73 – 87.
- al-Halabi. (1421H). *Muqaddimah Riyad al-Salihin*. t.tp.: Dar Ibn Jawzi.
- Hamus, Ahmad Ratib. (1983). *Kunuz al-Bahithin*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Ibn 'Allan, Muhammad. (2004). *Dalil al-Falihin li Turuq Riyad al-Salihin*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn al-'Attar, Shihab al-Din Abu al-'Abbas Ahmad ibn Muhammad ibn 'Ali al-Dunaysiri. (2007). *Tuhfat al-Talibin fi Tarjamat al-Imam al-Nawawi Muhyiddin*. Alu Salman, Mashhur ibn Hasan (pnyt.). 'Urdun: al-Dar al-Athariyah.
- Ibn al-Athir, Diya' al-Din Nasr Allah ibn Abu al-Karam Muhammad ibn Muhammad bin 'Abd al-Karim. (1998). *al-Mathal al-Sa'ir fi Adab al-Katib wa al-Sha'ir*. 'Uwaydah. Kamil Muhammad Muhammad (pnyt.). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad ibn Faris ibn Zakariyya. (1994). *Mu'jam al-Maqayis fi al-Lughah*. Abu 'Amru, Shihab al-Din (pnyt.). Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ihsan, Muhammad Nur. (2015). Studi Korelasi Bab: Perintah Pengikuti Sunnah dan Larangan Melakukan Bid'ah dalam Kitab "Riyad al-Salihin" dengan Tema Tauhid Uluhiyyah (Studi Analisa Konten). *Jurnal Dirasat Islamiyah al-Majaalis*. 2(2), Mei.
- Jasmi, K.A., Mustari, M.I. & Mohamed, A.K. (2004). Pendidikan Akhlak kepada Allah SWT Nadi Penggerak Pembangunan Peradaban Insan. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), 04-06 September, Langkawi, Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2002). Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks terhadap Kitab Riyad al-Salihin. Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- al-Khin, M.S., al-Bugha, M., Mastu, M., al-Sharbaji, 'A. & Lutfi, M.A. (1987). *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Cet. 14. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul. (2017). Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 4(2) September.
- Mohamad Hafifi Hassim, Nawal Sholehuddin. (2019). Kerangka Maqasid al-Syariah: Peranan Pegawai Penguatkuasa Agama dalam Menguatkuasakan Kesalahan Berkaitan Tatasusila. *Journal of Muwafaqat*. 2(1), 84-98.
- Mohamad Husin, Mohamad Zaki. (2018). Fungsi Elemen Kinayah dalam Amthal Rasulullah. Conference the 5th World Conference on Islamic Thought & Civilization, 16-18 Julai, Ipoh, Perak.

- Muhammad Syahmi Zulkifle & Zarima Mohd Zakaria. (2020). Analisis Kinayah dalam Qasidah Burdah Imam al-Bushiri. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language (IJHPL)*. 3(9), March.
- Muhsin Nor Paizin. (2014). Fadilat Mengeluarkan Zakat dan Sedekah Menurut Perspektif al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. 8(2).
- Napisah Humni, Salehudin Sabar, Mahadi Khalid & Mohamed Razi Mohd. Suradi. (2004). Perlaksanaan Ibadah Solat Fardhu di Kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan MPBL*. 5.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf. (2000). *Riyad al-Salihin min Hadith Sayyid al-Mursalin*. al-Su'udiyyah: Dar Ibn al-Jawzi.
- Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang. (2011). Hubungan Etnik di Malaysia dari Perspektif Islam. *Jurnal Kajian Malaysia*. 29(1), 1–28.
- Nurul Hamiza. (2012). Kajian Teks Sifat Beradab dari Perspektif Pendidikan menurut al-Imam al-Nawawi dalam Kitab Riyad al-Salihin. Laporan Projek Ijazah Sarjanamuda Tidak Diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kumala, O.D., Rusdi, A. & Rumiani. (2019). Terapi Dzikir untuk Meningkatkan Ketenangan Hati pada Pengguna NAPZA. *Jurnal Intervensi Psikologi*. 11(1), Jun.
- Damis, Rahmi. (2011). Istiqamah dalam Perspektif Hadis. *Jurnal al-Fikr*. 15(1).
- Rohmansyah. (2017). Pendidikan Akhlak Bermasyarakat dalam Perspektif Hadis Nabi. *Jurnal Edukasi*. 5(2), 25-46.
- al-Shak'ah, Mustafa. (1995). *al-Bayan al-Muhammadi*. t.tp: al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- Ziaul Haq, Sansan. (2019). Fenomena Wahyu al-Qur'an (Analisis Konsep Pewahyuan Perspektif Sirrah Nabawiyyah). *al-Fanar: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*. 2(2).